

BAB VI

DANUTUP

Ugama seharusnya menjadi institusi moral / undang-undang^{nya} / yang patut dipatuhi oleh seseorang kerana keyakinan hatinya sendiri. Oleh sebab kebanyakan dari kita tidak mengetahui akan hakikat-hakikat yang sebenarnya disebalik undang-undang yang ditetapkan oleh Tuhan, kita menganggap Undang-undang Ugama itu sebagai bertentangan dengan kehendak-kehendak hidup kita sehari-hari kerana undang-undang itu kononnya tidak sesuai dengan keadaan zaman kerana zaman berubah bersama-sama perubahan nilai moral dan tata susila manusia.

Soalnya kembali ialah mengapa ugama-ugama mempunyai undang-undang masing-masing kalau tidak kerana pengetahuan manusia terlalu cetek. Undang-undang Islam adalah satu-satunya sistem undang-undang yang ideal yang pada masa yang sama praktikal yang jika dilakukannya akan melahirkan satu masyarakat dan individu yang sehat.

Lantaran kerana ini ugama dan Undang-undang Islam diberi kedudukan istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri.¹ Kedudukan Undang-undang Islam bertambah-tambah penting disebabkan

¹ Ini adalah secara kebetulan sahaja, Ugama Islam dijadikan Ugama Persekutuan kerana ia adalah Ugama Orang Melayu yang menjadi penduduk majoriti dan paling berkuasa semasa penggubalan perlembagaan.

undang-undang ini terkena kepada orang-orang Melayu yang bolih dikatakan seratus peratus beragama Islam yang merupakan majoriti penduduk di Melaka. Hari ini Undang-undang Islam yang terpakai adalah seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka tahun 1959. Dalam bab-bab III hingga IV kita telah lihat bagaimana undang-undang dalam Enakmen yang berkenaan dilaksanakan. Pelaksanaan Undang-undang Islam sebelum kemerdekaan khususnya sebelum Enakmen digubal telah dibincangkan secara ringkas dalam bab II dan jelas didapati pelaksanaan pentadbiran Undang-undang Islam di Melaka di masa itu adalah berlainan dengan Negeri-negeri Melayu yang lain. Untuk memahami ini kita perlu mempunyai pengetahuan tentang latar belakang sejarah politik Melaka.

Di bawah kesultanan Melaka Islam mendapat perhatian istimewa dari kerajaan Malahan Melaka telah menjadi pusat perkembangan Ujara Islam di Nusantara dalam abad ke 15. Berlainan dengan sejarah negeri-negeri lain, Melaka telah dijajah oleh tiga kuasa Barat yang telah mempengaruhi pentadbiran Undang-undang Islam, dalam pada itu walaupun Portugis dan Belanda mengamalkan dasar anti Islam mereka meninggalkan kesan yang sedikit sekali dalam pentadbiran Undang-undang Islam dibandingkan dengan Inggeris yang berjaya menduduki Melaka selama 133 tahun. Beberapa aspek Undang-undang Islam seperti jenayah tidak dipakai, kepada undang-undang yang "dipilih" terpakai beberapa perubahan dan kemajuan segi pentadbiran telah dibuat. Ini

melibatkan pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang mengenai harta dan wasiat yang menjadi teratur disegi pentadbirannya. Polisi Inggeris melatah anak-anak tempatan dengan sistem undang-undangya (Inggeris) menjadikan kita ragu-ragu tentang "ketulinan" atau "kesucian" niatnya untuk memperbaiki pentadbiran Undang-undang Islam. Kekurangan anak-anak tempatan yang berkebolehan untuk menguruskan kes-kes mengenai Undang-undang Islam menjadikan Undang-undang Islam kaku dan hilang keistimewaan-nya sebagai sistem Undang-undang yang ideal dan praktikal. Sebagai misalan, c. 46 Enakmen 1959 memberi hak kepada pihak-pihak menggunakan peguambela dan peguamcara dan seperti yang kita tahu tidak pernah dalam sejarah kehakiman Mahkamah Syariah peguan-peguan membela pihak-pihak. Percubaan dua orang peguam untuk mengambil bahagian gagal kerana mereka tidak mengetahui cara dan peruntukan Undang-undang Islam.

Kemerdekaan pada tahun 1957 sungguh bermakna kepada kedudukan Ugama Islam kepada bekas Negeri-negeri Selat kerana dari tarahnya sebagai salah satu dari ugama-ugama penduduk tempatan (yang hanya dipakai, jika pada pendapat pentadbir Inggeris, jika pemakai Undang-undang Inggeris mendatangkan keadilan) menjadi Ugama Negeri bagi negeri-negeri tersebut. Berikutan dengan ini Rancangan Pentadbiran Undang-undang Islam telah digubal pada tahun 1959. Enakmen ini memperuntukkan pembentukan Majlis Ugama Islam

yang akan bertanggung jawab di atas pentadbiran Undang-undang Islam di Negeri Melaka, dengan ini Majlis mempunyai kuasa perundangan dan eksekutif.

Tetapi badan perundangan Majlis dibantu oleh Jawatan-
tuan Syariah mengeluarkan fatwa-fatwa yang merupakan satu-satunya
sukatan Majlis kepada pertembungan Undang-undang Islam. Malangnya
sebabnya peraturan pengeluaran fatwa sesiala sahaja (orang Islam)
boleh meminta Jawatan-tuan Syariah mengeluarkan fatwa, sebab ini
adalah untuk dikataatkan penduduk Islam di Malaka telah mengizinkan
pemerintah ini, malah majoriti penduduk Islam tidak mengizinkan langsung
tentang hak ini.²

Majlis dibantu oleh Jabatan Hal-stuari Uqama Islam dalam
menjalankan tugas-tugas eksekutifnya. Tetapi ini kekuasaan Majlis
untuk jauh memajukan sistem pentadbiran zakat, pengurusan baitul-
mal dan tabung khairat am yang merupakan sumber kewangan Majlis.
Majlis dari pentadbirkan undang-undang mengenai harta Majlis giat
mengajukan pelajaran Uqama Islam yang secara tidak langsung memberi
sukatan untuk memajukan pentadbiran Undang-undang Islam kerana
tidak yang berpelajaran yang akan menatuhii undang-undang dengan baik.

Masil dari temuduga saya dengan penduduk kampung Bukit Rambai.

Pentadbiran keadilan adalah terletak di dalam kuasa Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh peruntukan s. 39 Enakmen 1959, dengan itu struktur Mahkamah Syariah adalah terkeluar dari susunan Mahkamah-mahkamah biasa, masalah yang timbul ialah mengikut Akta Mahkamah Kecil 1948, Jadual 3, s. 18 (5) dan s. 80 Enakmen 1959 Mahkamah Pengadil dan Mahkamah Tengah diberi kuasa untuk melaksanakan hukuman-hukuman dan keputusan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah. Ini menunjukkan ada pertemuan struktur antara mahkamah biasa dan Mahkamah Syariah dan sebenarnya adalah baik jika struktur kedua mahkamah ini diselaraskan supaya melicinkan perjalanan mahkamah. Hirarki Mahkamah Syariah sendiri adalah merupakan satu hirarki yang mudah difahami dengan Mahkamah Kathi Besar di bahagian atas dan tiga Mahkamah Kathi sebagai Mahkamah Syariah daerah dan Jawatankuasa Uluangbicara sebagai Mahkamah Rayuan.

Secara am Enakmen memberi kuasa yang luas kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes-kes jenayah dan sivil, tetapi setakat ini mahkamah hanya membicarakan beberapa kes-kes tertentu dari kes-kes tersebut. Misalnya Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan menjual dan membeli minuman yang memabokkan yang disebut dalam s. 142. Hingga hari ini seksyen ini (antara lain-lain) tidak dilaksanakan, mengikut Pendakwa Ugama³ ini disebabkan

³ Temuramah dengan Pendakwa Ugama bagi Mahkamah Syariah.

tidak ada arahan resmi (dalam hal ini aduan dari orang ramai) seperti kesalahan berkhawat. Akibatnya peruntukan ini menjadi peruntukan yang tidak bermakna dan berguna.

Dibandingkan dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri-negeri lain di Malaysia, peruntukan Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka 1959 memberi kuasa yang luas kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan banyak kes-kes jenayah. Dalam hal ini kita tidak dapat memberi penilaian atas kejayaan Mahkamah Syariah sungguh pun jadual 4.5 menunjukkan penurunan jumlah kes jenayah dari tahun 1970 hingga 1975, kerana ini tidak bergantung kepada peranan mahkamah semata-mata, ianya juga hasil dari faktor lain seperti perubahan nilai sosial⁴ dan sikap mereka-mereka yang diberi kuasa untuk menangkap.⁵

Mahkamah-mahkamah Syariah Melaka lebih berjaya menguruskan kes-kes sivil terutama perceraian dan nafkah. Kejayaan ini ditukar dengan kejayaan mahkamah mengurangkan jumlah perceraian (melalui penyelesaian luar mahkamah) dan menguruskan dengan berjayanya tuntutan nafkah. Kedua kesimpulan ini dibuat dengan berpandukan jadual 6.1 dan jadual 6.2

⁴ misalnya kesalahan khawat tidak merupakan kesalahan yang berat pada masa ini jika dibandingkan 5 tahun yang lalu, lantaran ini tidak ada tindakan diambil ke atas mereka.

⁵ Bertukaran 'sidang' misalnya menandakan pertukaran polisi dan biasanya dari polisi yang ketat kepada yang liberal, malah kadangkala samaada untuk menangkap atau tidak adalah bergantung kepada budi-bicara pihak-pihak yang diberi kuasa ini.

Jadual 6.1 menunjukkan Melaka mempunyai kadar perceraian yang paling sedikit sekali di antara negeri-negeri lain di Semenanjung.

JADUAL 6.1

KADAR PERCERAIAN DI NEGERI-NEGERI SEMENANJONG MALAYSIA*
TAHUN 1974

Negeri	Kadar	Negeri	Kadar
Kelantan	50.8	Kedah	37.6
Trengganu	34.0	Pahang	33.1
Perlis	23.8	P.Pinang	22.8
M.Persekutuan	17.2	Selangor	15.3
M.Sembilan	12.2	Melaka	6.9

Sumber : Utusan Melayu 15hb. Jun 1975

Catetan : *tidak termasuk Johor dan Terak.

Mengikut Kathi Besar Melaka⁶ keadaan ini disebabkan oleh dua faktor, pertama peranan yang dimainkan oleh Kathi dan Pemeriksa Hal-ehwal Ugama yang cuba sedaya upaya untuk mencegah perceraian bila pihak datang mengadu ke Mahkamah dan kedua kerana sikap dan tradisi orang Islam Melaka yang tidak suka bercerai, ini mengikut kathi yang berpengalaman lama di Kelantan berbeza dengan sikap orang-orang Islam Kelantan yang menganggap perceraian itu satu perkara biasa dan mudah.

⁶ Temuramah dengan Kathi Besar Melaka.

Jadual 6.2 menunjukkan kadar kes nafkah yang diuruskan oleh Mahkamah Syariah. Melaka telah mendahului lain negeri dengan menguruskan kes nafkah berganda-ganda lebih banyak.

JADUAL 6.2

PERBANDINGAN KES-KES TUNTUTAN NAFKAH BERBANDING DENGAN PERCEGAHAN
DI SEMENANJONG MALAYSIA* TAHUN 1974

Negeri	Kadar	Negeri	Kadar
Kelantan	2.5	Perak	4.3
Kedah	4.6	Trengganu	5.5
Perlis	6.6	P.Pinang	10.8
Selangor	18.1	Pahang	18.7
N.Sembilan	23.9	Melaka	84.6

Sumber : Utusan Melayu 22hb. Jun, 1975

Catatan : *tidak termasuk Johor.

Setakat ini kita dapati Mahkamah Syariah telah menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan. Satu kegagalan yang tidak nyata (kepada orang biasa) tetapi sangat penting disegi pentadbiran keadilan ialah perlaksanaan peruntukan secara pembicaraan, terutama Acara Jenayah, tidak ada pemeriksaan balas dan dalam kebanyakan kes sabitan dibuat atas pengakuansalah, kedua-dua ini adalah dua peruntukan acara yang penting. Kedua-dua ini dengan ditambah oleh keadaan atau kedudukan Mahkamah yang meletakkan Yang Dituduh berdiri di hadapan kathi (sepatut-

nya dalam kandang saksi⁷⁾ menjadikan pembicaraan itu satu pembicaraan yang tidak resmi. Keadaan ini adalah disebabkan Yang Dituduh tidak mendapat bantuan undang-undang dari peguam-peguam yang menyebabkan mereka jahil mengenai hak-hak mereka disegi undang-undang yang mendorong mereka "mengakusalah dan habis perkara". Kathi-kathi pula berpuashati dengan acara pembicaraan yang 'rengkas' itu hingga merasa tidak payah mengingatkan Yang Dituduh akan hak-hak mereka.⁸ Masaalah ini adalah antara masaalah yang berat tetapi nampaknya tidak siapa mengambil perhatian.

Hak merayu diberi kepada mereka yang tidak berpuashati dengan keputusan tetapi malangnya pihak-pihak tidak (kebanyakannya) mengetahui hak dan acara merayu. Hak merayu hanya akan diberitahu kepada mereka oleh kathi jika kathi mendapati keputusan diterima oleh pihak dengan tidak puashati, kerap kali pula kathi "lupa" akan tugasnya ini.

⁷⁾ Oleh sebab tidak ada kandang untuk orang salah, mengikut Pendakwa Ugama Yang Dituduh dimasukkan dalam kandang saksi tetapi dalam kes-kes yang saya saksikan Yang Dituduh hanya diletakkan berdiri di hadapan kathi.

⁸⁾ Misalnya pengakuansalah, mengikut Pendakwa Ugama seperti peruntukan undang-undang biasa pengakuansalah mestilah dibuat oleh Yang Dituduh dengan kerelaannya sendiri, dalam pembicaraan yang saya saksikan tidak ada langkah berhati-hati dalam merekodkan pengakuansalah itu diambil oleh kathi seperti yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Biasa.

Tuhan dengan kemurahan hatinya telah menyediakan undang-undang yang lengkap untuk memandu kita dalam kitab suci Al Quran, Nabi Muhammad s.a.w telah mentafsirkan undang-undang tersebut melalui Sunnah dan Hadithnya dan tugas kita sebagai makhluk Allah yang telah dilahirkan dengan akal adalah untuk mencari jalan yang paling baik untuk mentadbir undang-undang tersebut supaya ideal-idealnya dapat dipraktikkan.